

Raja Nazrin ketuai penerimaan jenazah dua pahlawan negara

IPOH 6 Sept. - Raja Muda Perak, Raja Nazrin Shah berkenan mengetuai istiadat penerimaan jenazah dua pahlawan negara yang dibawa pulang dari Singapura, Sabtu ini di pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Lumut.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Mohd. Tajol Rosli Ghazali berkata, beliau akan menjadi menteri pengiring kepada Raja Nazrin pada majlis yang penuh adat istiadat itu.

Katanya, majlis itu akan turut dihadiri Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr Rais Yatim.

"Kapal yang membawa jenazah Orang Besar Jajahan Hilir Perak, Tengku Menteri Ngah Ibrahim dan bapa mertuanya, Laksamana Mohd. Amin Alang dijadual tiba di pelabuhan Lumut pada malam Jumaat ini," katanya kepada pemberita selepas mempeugerusikan mesyuarat Exco di sini hari ini.

Katanya, kapal KD Laksamana itu kemudiannya akan berlabuh di Pangkalan TLDM pada pagi Sabtu sebelum istiadat penyerahan kepada kerajaan negeri dilakukan.

Istiadat berkenaan akan membabitkan ketiga-tiga cabang Angkatan Tentera Malaysia iaitu Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara.

Tajol Rosli berkata, sejurus selepas istiadat penyerahan, keranda yang membawa jasad Ngah Ibrahim akan dibawa ke Taiping untuk disemadikan di Kompleks Muzium Matang.

Keranda yang membawa jasad Mohd. Amin pula akan dibawa ke Kuala Kangsar untuk dikebumikan di Makam Diraja Perak di Bukit Chandan bersebelahan pusara Sultan Abdullah yang bersama mereka menentang penjajah.

Rancangan memindahkan kedua-dua jasad yang telah bersemadi sejak lebih seabad lalu di dua tanah perkuburan di Singapura itu bermula sejak 2004.

Urusan membawa pulang jasad dua pahlawan itu dikendalikan oleh Jabatan Arkeologi Malaysia dan Jabatan Warisan Negara Malaysia dengan kerjasama Majlis Agama Islam Singapura.

Ngah Ibrahim, Mohd. Amin dan Sultan Abdullah yang memerintah Hilir Perak adalah antara beberapa pahlawan yang dikaitkan dengan pembunuhan Residen Inggeris pertama di Perak, J. W. W Birch di Pasir Salak pada 2 November 1875.

Ketiga-tiga mereka dibuang negeri ke Pulau Seychelles pada 1877 bersama-sama Datuk Syahbandar Uda Maamor.